



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

SOALAN LAZIM

Pelan Penstrukturan & Pemulihan *TH*

SOALAN LAZIM – PELAN PENSTRUKTURAN DAN PEMULIHAN TH

1. Bagaimanakah Pelan Penstrukturan dan Pemulihan TH dilaksanakan?

Syarikat Bertujuan Khas (SPV) milik penuh Kerajaan Malaysia telah ditubuhkan untuk mengambil alih aset-aset TH yang mengalami kejatuhan nilai dan kurang berdaya saing. Aset-aset ini terdiri daripada 106 ekuiti domestik yang tersenarai, satu (1) syarikat perladangan tidak tersenarai dan 29 tanah dan hartanah. Jumlah nilai pasaran semasa semua aset yang telah diambil alih oleh SPV adalah jauh lebih rendah iaitu RM9.7 bilion berbanding dengan jumlah nilai perpindahan iaitu pada RM19.9 bilion. Ini ditetapkan bertujuan untuk menutup jurang defisit di antara nilai aset dan liabiliti yang dialami oleh TH dan membolehkan pengagihan hibah dibuat selaras dengan Akta Tabung Haji 1995.

2. Adakah Pelan Penstrukturan dan Pemulihan TH ini merupakan salah satu cara Kerajaan untuk membantu menyelamatkan TH?

Pelan Penstrukturan dan Pemulihan TH ini merupakan komitmen Kerajaan untuk menyelamatkan TH yang berkemungkinan terjadi krisis kecairan akibat pengeluaran deposit secara besar-besaran (*bank run*) sekiranya TH tidak mampu mengagihkan hibah di masa hadapan. Ini juga untuk mengelakkan impak negatif kepada kestabilan sistem kewangan negara selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 24, Akta Tabung Haji dimana pendeposit dijamin oleh Kerajaan.

3. Sejauh manakah kejayaan pelaksanaan Pelan Penstrukturan dan Pemulihan TH dan apakah status kedudukan kewangan TH pada tahun 2018?

Hasil daripada Pelan Penstrukturan dan Pemulihan ini, TH telah merekod aset keseluruhan berjumlah RM76.5 bilion berbanding liabilitinya berjumlah RM75.5 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Pendapatan TH pada tahun 2018 adalah RM4.2 bilion manakala keuntungan boleh agih adalah sebanyak RM2.0 bilion. Berdasarkan dari prestasi kewangan ini, ia telah membolehkan TH membuat pengagihan hibah untuk tahun 2018 selaras dengan Akta Tabung Haji 1995.

4. Mengapakah SPV diperlukan di dalam Pelan Penstrukturan dan Pemulihan TH?

SPV diperlukan untuk mengambil alih aset-aset TH yang mengalami kejatuhan nilai dan kurang berdaya saing. Bagi memastikan kedudukan kewangan TH dapat dipulihkan segera, aset-aset tersebut dipindahkan pada harga premium yang melebihi nilai pasaran. Ini bertujuan untuk memastikan nilai aset akan lebih tinggi dari nilai liabiliti bagi berkepercayaan untuk membuat pengagihan Hibah dan mengelakkan kemungkinan krisis kecairan.

5. Apakah instrumen kewangan yang digunakan oleh SPV untuk mengambil alih aset-aset TH tersebut?

Pemindahan aset-aset yang berjumlah RM19.9 bilion ini akan dilangsaikan menerusi penerbitan dua (2) siri sukuk oleh SPV berjumlah RM10 bilion dan RM9.6 bilion. Sukuk-sukuk berkupon sifar ini akan memberikan pulangan sebanyak 4.05% dan 4.1% setahun. Manakala RM300 juta lagi akan diselesaikan oleh SPV melalui pembayaran tunai.

6. Apakah pelan jangka panjang SPV?

- Proses rehabilitasi aset-aset melalui strategi pengudangan bagi mengelak jualan *fire sale*
- Mengoptimalkan nilai realisasi aset untuk pemulihan aset-aset tersebut melalui proses penambahbaikan nilai hartanah dan penzahiran nilai saham apabila pasaran modal dan kewangan kembali pulih
- Menguruskan operasi aset-aset yang telah di ambil alih seperti hotel dan hartanah

- Merealisasikan aset-aset dalam bentuk tunai bagi pembayaran balik instrumen kewangan SPV kepada **TH**
- Mengurangkan kos kepada Kerajaan

7. Apakah hubungan TH dan SPV?

- Tiada hubungan, kecuali hanya terlibat di dalam pembentukan SPV dan perancangan Pelan Penstrukturan dan Pemulihan **TH**.
- **TH** mempunyai Hak Keutamaan (First Right of Refusal) terhadap aset-aset yang telah dipindahkan sekiranya SPV ingin melupuskan aset-aset tersebut.

8. Mengapakah SPV mengambil alih aset-aset ini pada kadar Premium?

Kadar premium diperlukan bagi menampung jurang defisit di antara nilai aset dan liabiliti **TH** akibat dari rosot nilai pelaburan **TH**. SPV merupakan milik penuh Kerajaan, dimana di bawah seksyen 24 Akta Tabung Haji, semua deposit akan ditanggung Kerajaan. Maka menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan kedudukan kewangan **TH** dapat dipulihkan segera.

9. Sekiranya aset-aset ini tidak dipindahkan kepada SPV, apakah kedudukan kewangan TH?

Jika aset-aset ini tidak dipindahkan, nilai liabiliti **TH** akan melebihi nilai aset. Maka, **TH** tidak dapat mengagihkan hibah kepada para pendeposit untuk tahun 2018 dan beberapa tahun akan datang. Jika ini berlaku akan menyebabkan potensi krisis kecairan atau *bank-run*. Kerajaan terpaksa membuat suntikan tunai bagi membantu **TH** untuk mengembalikan deposit seperti jaminan yang telah termaktub di dalam Akta Tabung Haji 1995. Suntikan tunai secara mendadak ini akan membeban kedudukan kewangan negara dan boleh memberi kesan negatif terhadap penarafan kredit negara.

10. Mengapakah aset-aset yang berpotensi ini dipindahkan?

Walaupun terdapat aset berpotensi dan nilai saham berkemungkinan kembali pulih, jurang rosot nilai saham tersebut terlampau tinggi, iaitu di antara 20% sehingga 90%. Tempoh masa yang diperlukan untuk nilai saham tersebut kembali pulih mungkin mengambil masa yang lama dan menyebabkan **TH** tidak boleh menutup jurang defisit tersebut di dalam masa terdekat.

11. Berapakah penjanaan pendapatan yang dapat dihasilkan oleh TH melalui pegangan Sukuk yang diterbitkan oleh SPV untuk mengambil alih aset-aset TH tersebut?

Sukuk yang diterbitkan memberikan pulangan sebanyak 4.05% dan 4.10% dan akan menjana pendapatan sebanyak RM800 juta setahun melalui transaksi ini.

12. Mengapakah Kerajaan tidak memberikan dana tunai atau geran kepada TH secara terus tanpa memerlukan penerbitan sukuk oleh SPV?

Untuk mengurangkan bebanan hutang kerajaan, sukuk mempunyai terma yang boleh membantu fleksibiliti kewangan Kerajaan. Suntikan Tunai pada masa ini akan memberi tekanan kepada Kerajaan kerana Kerajaan terpaksa membuat pinjaman tambahan dan bebanan hutang Negara akan bertambah. Kenaikan hutang ini berkemungkinan akan memberi impak yang negatif kepada penarafan kredit Negara.

13. SPV yang telah ditubuhkan untuk mengambil alih aset-aset TH sepatutnya diuruskan oleh TH sendiri bukannya diuruskan oleh SPV.

TH tidak boleh menjadi pengurus aset kepada SPV secara langsung kerana **TH** boleh dianggap masih menguasai kepentingan terhadap aset-aset yang dipindahkan. Justeru itu, mengikut prinsip perakaunan, **TH** masih perlu menyatukan kembali aset-aset yang mengalami kejatuhan rosot nilai yang tinggi dan tidak memberi kadar pulangan yang baik ini di dalam kedudukan kewangan **TH**. Ini akan menyebabkan objektif pengasingan

aset tersebut tidak tercapai, dan jurang defisit di antara nilai aset dan nilai masih kekal tinggi. Ia akan membawa kepada ketidakbolehan **TH** untuk mengagihkan hibah bukan sahaja pada tahun 2018, malah tahun-tahun yang akan datang.

14. Perluakah umat Islam bimbang atau curiga akan status aset-aset strategik Tabung Haji?

Aset-aset strategik **TH** telah diambil alih oleh Kerajaan dan bukannya individu atau syarikat persendirian. Pengambilalihan aset di bawah Pelan Penstrukturan dan Pemulihan **TH** juga adalah pada kadar premium untuk menutup jurang defisit di antara nilai aset dan nilai liabiliti dan menyelamatkan **TH** dari krisis kecairan. Umat Islam tidak perlu curiga terhadap status aset-aset strategik tersebut kerana SPV diamanahkan untuk menambah nilai aset-aset tersebut. Malah **TH** juga telah diberikan Hak Keutamaan (*First Right of Refusal*) untuk mengambil semula aset-aset yang berpotensi setelah nilai aset dibaik pulih.

15. Adakah Penstrukturan Korporat TH melalui penjualan aset-aset kepada Syarikat SPV itu telus, iaitu tiada kompromi terhadap kepentingan umat Islam termasuk aspek pematuhan syariahnya lantaran terlalu banyak kesangsian dan kerahsiaan dalam transaksinya yang melibatkan aset-aset umat Islam sebelum ini?

Senarai keseluruhan pemindahan aset **TH** kepada SPV telah dikemukakan di Dewan Rakyat pada 14 Mac 2019 dan kini boleh didapati dalam portal rasmi Dewan Rakyat. Pada 28 Disember 2018, **TH** telahpun memaklumkan syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia di mana **TH** boleh melepaskan kepentingan melebihi 2%. Pendedahan ini merupakan sumber berita yang dilaporkan oleh media massa. Pelan Penstrukturan dan Pemulihan **TH** juga dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 Disember 2018 dan dokumen tersebut juga diedarkan kepada pemberita. Tidak timbul kerahsiaan terhadap transaksi ini kerana semua maklumat telah dinyatakan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Contohnya, soalan yang sama terhadap nama pengarah SPV telah pun dinyatakan atau dijawab pada sidang Dewan Negara pada bulan Disember 2018 yang lalu.

16. Siapakah Ahli Lembaga Pengarah SPV dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SPV?

Ahli Lembaga Pengarah SPV :

- YBhg Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- YBhg Datin Rashidah Mohd Sies,
Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan
- YBhg Dato' Mohd Shukri bin Hussin,
Pengarah Pelaburan Hartanah Bumiputera Bhd
- En. Mohd Hassan Ahmad,
Timbalan Setiausaha Fiskal dan Ekonomi
- En. Imri Dolhadi Ab. Wahab,
Ketua Seksyen Bahagian Fiskal Dan Ekonomi

CEO SPV :

Encik Izad Sallehuddin telah dilantik sebagai CEO SPV pada 2 April 2019. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Bahagian Urusan Ekuiti di CitiGroup Global Market Sdn Bhd semenjak tahun 2015 yang bertanggungjawab merangka dan menjalankan strategi bisnes syarikat CitiGroup di Malaysia.